

Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam

Classroom Assessment Method (PBD) And Its Impact On Level One Pupils: Analysis Of Islamic Education Subjects

Mustaqim Roslan, M.*

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

**Corresponding author: muhd.mustaqim@usas.edu.my*

Article history

Received: 2023-05-14

Received in revised form: 2023-07-19

Accepted: 2023-11-02

Published online: 2024-03-01

Abstract

Teachers frequently employ testing techniques as an assessment tool. However, in October 2018, the Minister of Education stopped the evaluation using this testing technique. When parents questioned the impartiality of instructors in evaluating their children's accomplishments, the outcomes of the removing the examination caused negative response. Additionally, they lack clarity and comprehension of the teacher's methodologies and procedures for evaluation. This article produced to understand the Classroom Assessment Method (PBD) and how it affects level one students studying Islamic Education. The philosophy behind this study is interpretive, while the study strategy is case studies. The study also adapted qualitative design with data collection methods using a combination of document content analysis techniques and semi-structured question interviews. The content analysis approach was used in the data analysis. Thematic methods are used in this study to categorise the results. There are three methods used by teachers in assessing level one students – 1) observation 2) writing and 3) oral methods. However, the assessment using these three methods in determining the level of mastery (TP) of the pupils is very subjective. Thus, two effects was identified on the application of PBD, namely, the reduced burden of teachers' duties related to the examination and the occurrence of teacher injustices in the PBD process. In this context, the report recommends that the Ministry of Education's (MOE) PBD system undergo revisions to ensure that level one students get assessed equitably. Teachers should also employ the scoring rubric while implementing the three established PBD assessment techniques. After further research on other topics, it is also appropriate to reevaluate the PBD approach. In addition, the scoring rubric should be used by teachers in the implementation of PBD assessment using three predefined methods.

Keywords: Islamic education, Assessment, Classroom Assessment, Level of mastery, Level One.

Abstrak

Instrumen pentaksiran yang sering digunakan oleh para guru ialah dengan menggunakan kaedah pengujian. Namun begitu, pentaksiran dengan menggunakan kaedah pengujian ini telah dimansuhkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada Oktober 2018. Malangnya, keputusan pemansuhan peperiksaan ini mendapat respon yang tidak baik dalam kalangan ibu bapa apabila mereka mempersoalkan keadilan guru dalam mentaksir pencapaian anak-anak mereka. Mereka juga tidak jelas dan kurang memahami cara dan kaedah pentaksiran dilakukan oleh guru. Oleh yang demikian, kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan kesannya kepada murid tahap satu bagi subjek Pendidikan Islam. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif, manakala strategi kajian pula ialah kajian kes. Kajian ini juga mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan kaedah pengumpulan data adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam analisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah yang telah digunakan oleh guru dalam mentaksir murid-murid tahap satu iaitu kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan. Namun begitu, pentaksiran dengan menggunakan ketiga-tiga kaedah ini dalam menentukan Tahap Penguasaan (TP) murid adalah sangat subjektif. Oleh yang demikian, terdapat dua kesan yang telah dikenal pasti terhadap pengaplikasian PBD ini iaitu, berkurangnya beban tugas guru dalam pelaksanaan ujian dan berlakunya ketidakadilan guru dalam proses PBD yang dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan agar kaedah PBD yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlulah dilihat kembali agar penilaian para murid tahap satu ditaksir dengan adil. Selain itu juga, rubrik pemarkahan perlulah selari digunakan oleh para guru dalam pelaksanaan penilaian PBD dengan menggunakan tiga kaedah yang telah ditetapkan. Kajian lanjutan terhadap subjek-subjek lain juga adalah wajar untuk dilihat kembali akan pelaksanaan proses PBD itu dilakukan.

Keywords: Pendidikan Islam, penilaian, Pentaksiran Bilik Darjah, tahap penguasaan, Tahap Satu.

1.0 PENDAHULUAN

Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah atau akronimnya dikenali sebagai PBD merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia 2016). Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 yang mana sebelumnya dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah (PS) bermula tahun 2011. Para guru didedahkan dengan pelbagai instrumen yang boleh digunakan dalam mentaksir murid dan antaranya ialah dengan menggunakan kaedah pengujian. Menurut Maridah Alias (2013), pengujian merupakan satu proses atau prosedur yang bersistematik bagi mengukur pencapaian murid yang biasanya dibuat secara bertulis. Ia bertujuan untuk menentukan pencapaian murid dalam sesuatu sesi pembelajaran.

Namun begitu, pentaksiran dengan menggunakan kaedah pengujian atau peperiksaan ini telah dimansuhkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada Oktober 2018. Maszlee Malik (2019) berpandangan bahawa, sebab atau faktor yang mendorong kepada pemansuhan penilaian seragam itu adalah bagi membolehkan guru memberi tumpuan penuh kepada tugas mendidik, selain murid juga akan bebas daripada tekanan di awal usia persekolahan mereka. Pengumuman pemansuhan kaedah pengujian ini telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan warga pendidik, ibu bapa dan murid. Ada dalam kalangan mereka yang menerima isu ini sebagai perubahan yang positif dalam sistem pendidikan kebangsaan dan ada juga yang mencetuskan perasaan kurang berpuas hati terhadap perkara ini (Joohari Ariffin & Kalai Selvan Arumugham 2021).

Sesungguhnya perubahan itu merupakan sesuatu yang amat penting dalam pendidikan memandangkan perubahan akan dilakukan berdasarkan keperluan semasa terutamanya untuk memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan kementerian insan. Malangnya, keputusan kepada perubahan kaedah pentaksiran ini mendapat respon yang tidak baik dalam kalangan ibu bapa apabila mereka mempersoalkan keadilan guru dalam mentaksir pencapaian anak-anak mereka (Fairul Asmani 2019). Hasil tinjauan yang telah dilakukan di beberapa buah sekolah telah mendapati bahawa ibu bapa agak kurang jelas dan kurang memahami cara dan kaedah pentaksiran dilakukan oleh guru. Ibu bapa hanya diberikan sehelai laporan pencapaian murid yang terpapar Tahap Penguasaan (TP) mengikut peringkat bermula dari TP1 hingga TP6 tanpa diberikan justifikasi jelas terhadap kaedah pentaksiran itu dicapai (Mustaqim Roslan 2022). Oleh yang demikian, kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah PBD dan kesannya kepada murid tahap satu bagi subjek Pendidikan Islam.

Secara khususnya kajian ini akan menjawab dua persoalan utama iaitu, apakah kaedah PBD yang dilakukan oleh para guru terhadap murid-murid tahap satu bagi subjek Pendidikan Islam? Dan apakah kesan pengaplikasian kaedah PBD yang digunakan oleh para guru terhadap murid-murid tahap satu bagi subjek Pendidikan Islam? Kajian ini adalah sangat signifikan untuk dilaksanakan bagi memastikan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memansuhkan kaedah pengujian bagi murid tahap satu di sekolah rendah benar-benar tercapai objektif dan matlamatnya. Menurut KPM (2016), PBD ini dapat membantu guru dalam lima aspek utama iaitu, mengesan perkembangan murid secara menyeluruh, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran, mengetahui keberkesanan pengajaran, merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran serta mengambil tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat dengan lebih mendalam terhadap pengaplikasian guru-guru dengan menggunakan kaedah PBD ini terhadap murid-murid tahap satu di lapangan. Hal ini penting bagi memastikan kesemua matlamat dan objektif utama kaedah PBD yang diperkenalkan oleh KPM itu benar-benar tercapai atau sebaliknya.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai. Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga pendekatan iaitu, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Mustaqim Roslan 2023). Terdapat tiga komponen asas yang berada di bawah reka bentuk kajian iaitu falsafah kajian, strategi kajian dan pendekatan kajian. Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasikan falsafah interpretif iaitu upaya untuk mencari penjelasan tentang peristiwa sosial berkaitan dengan kaedah dan kesan pelaksanaan PBD kepada para murid tahap satu di persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Kajian kes pula digunakan dalam strategi kajian ini memandangkan ia merupakan satu penerokaan mendalam terhadap pengaplikasian PBD bagi murid tahap satu di sekolah. Tahap satu ini dijadikan fokus utama dalam kajian ini memandangkan murid-murid ini sahaja yang tidak dinilai pentaksiran mereka menggunakan ujian dibandingkan dengan tahap dua di sekolah. Selain itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif kerana data-data yang dikumpulkan adalah berasaskan kepada “by word” atau satu kajian yang dibuat menggunakan huraian dan pelaporan secara varbetim (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik (Miles dan Huberman 1994).

Kaedah pengumpulan data pula adalah kombinasi teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Gabungan kedua-dua kaedah ini dalam pengumpulan data bertujuan agar data-data yang dikumpulkan adalah mencapai tahap validity iaitu kesahan data bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini telah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan dua atau lebih kaedah dalam kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia (Cohen, Manion & Morisson 2000). Adapun data temu bual soalan separa berstruktur pula dipilih dalam kajian ini memandangkan temu bual jenis ini membenarkan soalan susulan dikemukakan berdasarkan jawapan yang diberikan responden untuk mendapatkan informasi yang lebih jelas dan mendalam. Bagi memastikan data-data temu bual ini mencapai tahap *reliability* iaitu kebolehpercayaan data, maka teknik semakan informan telah digunakan kerana ia penting bagi memastikan kredibiliti dapatan kajian (Lincoln & Guba 1985). Oleh yang demikian, secara dasarnya kajian ini telah menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data temu bual yang diperoleh daripada sesi wawancara yang dilakukan, manakala data sekunder adalah diperoleh daripada buku-buku, kajian-kajian pascasiswazah, artikel-artikel jurnal dan kertas-kertas persidangan.

Lima orang sampel dipilih secara bertujuan iaitu purposive sampling digunakan dalam kajian ini berdasarkan pertimbangan pengkaji untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan kajian (Babbie 2002). Dalam kajian kualitatif, bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu utama kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton 2002). Hal ini kerana kajian kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji (Creswell 2002). Oleh yang demikian, kajian ini memilih untuk menemu bual responden yang sedikit iaitu sekitar lima orang guru yang dipilih secara bertujuan, tetapi dijangka dapat memberikan maklumat yang terperinci dan mendalam (Mustaqim Roslan 2023). Tambahan lagi, memandangkan kajian ini tidak mengetahui siapakah dalam kalangan populasi yang benar-benar layak dipilih dan mampu memberikan maklumat yang kaya sebagai sampel kajian, maka kaedah snowball juga turut digunakan seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2009). Setelah itu, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam analisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Terdapat lima komponen yang disusun atur dalam

menganalisis data dengan menggunakan kaedah tematik ini iaitu dimulai dengan penulisan transkrip secara varbetim, pengagihan data mengikut persoalan kajian, pengkategorian isi kandungan data, membina tema kajian dan membuat koding data (Mustaqim Roslan 2023).

3.0 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian atau sinonim dengan analisis pembacaan merupakan ulasan kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber rujukan seperti tesis, disertasi, artikel jurnal, kertas persidangan dan sebagainya. Ia bertujuan untuk memadankan atau membezakan penulisan dan kajian lepas dengan kajian yang sedang dijalankan, di samping untuk mencari *gap in knowledge* atau ruangan antara aspek-aspek yang telah dan belum dikaji (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021). Oleh yang demikian, kajian ini telah menggunakan pendekatan *Narrative Review* dalam menghuraikan sorotan kajian-kajian lepas yang telah dikaji. Kajian ini memulakan dengan sorotan kajian Joohari Ariffin dan Kalai Selvan Arumugham (2021) yang bertajuk “Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pelaksanaan PBD: Satu Tinjauan dalam Kalangan Guru Besar”. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami secara mendalam tentang pandangan guru besar tentang pemansuhan UPSR serta mendapatkan pandangan mereka tentang pelaksanaan PBD. Kajian ini terdapat jurang yang paling hampir dengan kajian yang sedang dijalankan pengkaji iaitu mengkaji tentang pelaksanaan PBD. Namun, kajian ini telah menjadikan guru-guru besar sebagai sampel utama kajian dan turut mencadangkan dalam kajiannya agar terdapat satu kajian lanjutan bagi melihat penerimaan para guru sebagai sampel kajian. Oleh yang demikian, kajian ini sangat signifikan untuk dikaji bagi mendapatkan pandangan para guru terhadap proses PBD di sekolah.

Seterusnya adalah kajian Hazuriana Hajmi dan Khairul Jamaludin (2022) bertajuk “Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan (PBD) di Sekolah Rendah” turut disoroti pengkaji. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan sejauh mana kesediaan guru dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah. Walaupun kajian ini turut menghuraikan isu berkaitan dengan PBD, namun ia lebih terarah untuk melihat kepada kesediaan guru dan bukanlah mengenal pasti kaedah dan kesan pengaplikasian PBD itu sendiri. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian kerana jurang yang dikenal pasti adalah agak besar jika dibandingkan dengan kajian yang sedang dijalankan ini. Tambahan lagi, sedikit kelompangan yang telah dikenal pasti dalam kajian ini apabila penulis hanya mengetengahkan falsafah kajian, tanpa dihuraikan kaedah yang digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data bagi mencapai objektif kajian berkaitan dengan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBD. Adapun kajian terakhir yang turut disoroti pengkaji adalah kajian Ilhavenil Narinasamy, Wan Nor Fadzilah, Loges Arumugam, Noor Aliza dan Nooraini Kamaruddin (2022) dengan tajuk artikelnya “Pelaksanaan PBD Sekolah Rendah”. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti status pelaksanaan PBD di sekolah rendah yang dilihat daripada tiga aspek berfokus. Sungguhpun kajian ini turut membincangkan berkaitan dengan PBD dan guru-guru juga dijadikan sampel utama dalam kajian ini, namun pendekatan yang digunakan adalah berbeza kerana kajian ini telah mengadaptasikan pendekatan kuantitatif dalam kajian mereka dan bukanlah kualitatif. Tambahan lagi, skop guru yang dijadikan sampel adalah begitu besar seramai 685 sampel, manakala kajian ini adalah berfokus kepada guru-guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam sahaja. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian baharu untuk dijalankan sebagai nilai tambah dalam dunia penyelidikan dengan bertambahnya literatur daripada kajian ini.

4.0 KONSEP KAEDAH PBD TAHAP SATU

Menurut KPM (2019), PBD adalah merujuk kepada proses yang berterusan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap maklumat kurikulum yang dihasratkan. Para murid ditaksir dengan menggunakan dua pendekatan iaitu formatif dan sumatif. Formatif ialah mentaksir perkembangan untuk pembelajaran iaitu berterusan dalam PdP. Manakala sumatif pula ialah mentaksir perkembangan tentang pembelajaran iaitu pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Antara aspek-aspek yang ditaksir oleh para guru terhadap murid ialah seperti pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran amali, kemahiran kinestetik, kreativiti, kesihatan dan kecergasan, amalan nilai murni, sikap, kemahiran manipulatif, kemahiran bersosial dan lain-lain yang berkaitan (KPM 2019). Para guru akan menetapkan TP di setiap subjek yang diajar bergantung kepada pencapaian murid. Terdapat enam TP yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki seperti gambar rajah 1 di bawah:

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada suatu situasi
4	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik serta tekal dan bersikap positif
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara analitik, sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi


Rajah 1: Tafsiran Tahap Penguasaan Keseluruhan
 Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM 2019)

Merujuk kepada rajah 1 di atas, terdapat enam TP yang telah dicadangkan oleh Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) iaitu bermula dengan TP1, TP2, TP3, TP4, TP5 dan TP6. Setiap TP adalah ditafsir secara generik dalam mata pelajaran sebagai aras tertentu untuk memberi gambaran holistik tentang pencapaian murid (KPM 2019). TP1 adalah merujuk kepada murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas. TP2 pula ialah murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi. Manakala TP3 adalah murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada sesuatu situasi. Adapun TP4 iaitu murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik. TP5 pula ialah murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik serta tekal dan bersikap positif. Adapun TP6 yang terakhirnya ialah murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara analitik, sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi (KPM 2019).

5.0 PENGAPLIKASIAN KAEDAH PBD TAHAP SATU

Hasil dapatan terhadap kaedah PBD yang digunakan oleh para guru terhadap murid tahap satu adalah sangat subjektif. Hal ini berlaku berikutan tidak ada satu standard pengukuran yang

mengandungi kriteria dan prosedur yang jelas perlu dilaksanakan. Oleh kerana itu, pencapaian prestasi tidak dapat ditaksir disebabkan tiada pecahan kepada tingkah laku spesifik dan ciri-ciri yang lebih kecil yang boleh dihakimi dengan mudah serta boleh diperhatikan (Azmanirah, Nurfirdawati, Anizam & Halizah 2019). Sememangnya setiap subjek itu telah dibahagikan pecahan TP murid yang perlu dinilai oleh para guru, namun kaedah untuk menetapkan TP terhadap setiap murid adalah tidak selari digunakan oleh para guru dan ia bersifat subjektif. Hal ini disokong oleh kesemua responden yang telah ditemu bual mengakui bahawa kaedah yang digunakan dalam menetapkan TP adalah subjektif. Oleh yang demikian, tanpa penggunaan kriteria yang jelas, penilaian sukar untuk dihakimi (Burke 2001). Berikut adalah kaedah PBD yang telah dilaksanakan oleh para guru bagi menetapkan pencapaian TP murid-murid.



Rajah 2: Kaedah PBD Para Guru terhadap Murid-Murid Tahap Satu
Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM 2019)

Merujuk kepada rajah 2 di atas, kesemua responden bersetuju bahawa terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh para guru dalam PBD iaitu dengan menggunakan kaedah pemerhatian, kaedah penulisan dan kaedah lisan. Hal ini disokong oleh kenyataan R1, R2 dan R3 seperti berikut:

R1: “Rancangan kita buat, dari situ kita boleh tengoklah murid tu macam mana. Faham ke tidak apa yang kita ajar kalau dia boleh aplikasikan, maknanya dia boleh buat pembentangan dengan baik, dia boleh buat kerja projek dengan baik, tu maknanya dia fahamlah tu. Maknanya aktiviti yang kita buat tu kita rasa sesuai dengan kebolehan murid tulah”.

R2: “Kalau lisan pulak, kita buat ni lah sesi soal jawab ataupun kuiz. Ataupun bidang PdP tu pun boleh jugak selepas kita terangkan satu sub topik atau pun satu bidang tu. Lepas tu kita tanya balik faham ke tak. Kalau ada soalan kita biasakan budak tanya. So salah satu kaedah juga lah.”

R3: “Penulisan tu dari segi penulisanlah. Tulis dekat depan ke atau pun tulis dekat dalam buku ke ataupun kita bagi soalan ke”.

Pemerhatian bermaksud perihal memerhatikan dan mengamati sesuatu (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka 2012). Ia merupakan satu perkara yang lumrah dan sifat semula jadi kepada setiap manusia yang suka memerhati apa yang dilihat. Pemerhatian juga adalah perkara rutin dilakukan setiap hari sama ada secara sedar ataupun tidak sedar untuk memahami apa yang berlaku di sekeliling mereka (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2021). Oleh yang demikian, dalam konteks penilaian PBD ini, para guru akan memerhatikan murid-murid sepanjang PdP berjalan bagi menetapkan pencapaian TP mereka. Namun begitu, hasil dapatan menunjukkan bahawa kaedah pemerhatian yang dilakukan oleh para guru dalam mentaksir adalah berbeza dan tidak ada satu standard yang telah ditetapkan. Tambahan lagi, skop pemerhatian yang dimaksudkan oleh guru dalam mentaksir murid dengan menggunakan kaedah pemerhatian juga turut berbeza walaupun mereka mengajar bagi subjek yang sama.

Sebagai contohnya R1 mendefinisikan kaedah pemerhatian itu adalah dengan merujuk kepada rancangan pengajaran yang dilakukan selama satu tahun, dan ia perlulah diperhatikan segala bentuk

aktiviti sepanjang tahun tersebut. Manakala R2 pula mentakrifkan pemerhatian yang dimaksudkan adalah dengan memerhatikan murid sama ada mereka mampu menjawab dan memberikan respon ketika PdP dijalankan. Sekiranya murid tidak dapat menjawab, maka murid dianggap gagal dalam kaedah pemerhatian yang dilakukan. Adapun menurut R5, kaedah pemerhatian yang dimaksudkan pula adalah merujuk kepada penglibatan murid tersebut. Sekiranya murid tersebut aktif dan penglibatannya baik ketika PdP dijalankan, maka pencapaiannya adalah memuaskan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dalam proses PBD. Ketiga-tiga responden memberikan kaedah yang berbeza dalam menetapkan garis panduan terhadap kaedah pemerhatian dalam PBD. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan R1, R2, dan R5:

R1: “Rancangan kita buat, dari situ kita boleh tengok lah murid tu macam mana. Faham ke tidak apa yang kita ajar kalau dia boleh aplikasikan, maknanya dia boleh buat pembentangan dengan baik, dia boleh buat kerja projek dengan baik, tu maknanya dia fahamlah tu. Kita kena tengok jugaklah berdasarkan standard prestasi yang dia dah bekalkan pada kita. PBD ni dia punya aktiviti dia pelbagai dan sepanjang tahun itulah pemerhatian kita”.

R2: “Kalau pemerhatian tu maksudnya kita tengok pertamanya respon murid lah. Maksudnya kalau tengok murid tu kita ajar dia boleh bagi respon, bila tanya dia boleh jawab. Itupun satu kaedah kita nak mentaksir murid tu. Boleh faham ke tak? Ataupun boleh capai ke tak objektif pembelajaran kita”.

R5: “Tengok cara bagaimana dia dalam kelas, apa tahap pencapaian dia kat situ, apa penglibatan dia dalam kelas”.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), istilah penulisan pula membawa erti perihal atau kegiatan menulis, mengarang dan lain-lain. Ia juga bermaksud proses penghasilan simbol-simbol grafik yang disusun berdasarkan pertuturan yang membentuk perkataan dan seterusnya menjadi ayat. Menurut KPM (2016), pentaksiran secara bertulis adalah melibatkan aktiviti menyemak dan memeriksa tugas dan hasil penulisan murid seperti karangan, laporan, tafsiran statistik dan lain-lain. Selalunya ayat yang disusun ada kalanya panjang dan pendek berdasarkan kepada beberapa urutan bermakna yang membentuk teks, nota, draf dan bahan bercetak turut diertikan sebagai penulisan (Raha Arman 2014). Sehubungan dengan itu, metode penulisan yang dimaksudkan dalam kaedah PBD adalah merujuk kepada penilaian tahap menulis murid-murid tahap satu. Para guru akan mentaksir hasil penulisan mereka sepanjang PdP berjalan bagi menetapkan pencapaian TP mereka. Namun begitu, hasil dapatan menunjukkan bahawa kaedah penulisan yang digunakan oleh para guru dalam mentaksir adalah berbeza dan tidak ada satu standard yang telah ditetapkan. Tambahan lagi, skop penulisan yang dimaksudkan oleh guru dalam mentaksir murid dengan menggunakan kaedah penulisan juga turut berbeza walaupun mereka mengajar bagi subjek yang sama.

Sebagai contohnya R2 mendefinisikan kaedah penulisan adalah merujuk kepada kemahiran murid-murid menulis latihan yang diberikan di dalam kelas dan di rumah. Hal ini bererti, sekiranya murid-murid tidak menyiapkan latihan tersebut, maka pencapaian TP murid sukar untuk ditaksir. Manakala R4 pula mentakrifkan kaedah penulisan sebagai pencapaian menulis murid di hadapan guru atau penulisan di dalam buku serta penulisan daripada soalan-soalan yang diberikan guru. Pandangan R4 sedikit berbeza memandangkan penulisan yang dimaksudkan itu mestilah ditulis serta-merta di hadapan guru dalam proses mentaksir. Adapun R5 sedikit berbeza apabila kaedah penulisan yang dimaksudkan adalah lebih umum iaitu berkaitan dengan apa sahaja yang ditulis oleh murid akan ditaksir guru dalam menentukan pencapaian TP mereka. Ketiga-tiga responden memberikan kaedah yang berbeza dalam menetapkan garis panduan terhadap kaedah penulisan dalam PBD. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan R2, R4, dan R5:

R2: “Dan bertulis tu latihan, latihan yang kita bagi dalam kelas, ataupun kerja rumah”.

R4: “Penulisan tu dari segi penulisan lah, tulis dekat depan ke atau pun tulis dekat dalam buku ke, ataupun kita bagi soalan ke okay”.

R5: “Dengan cara penulisan I *mean* menulis la kan”.

Adapun kaedah terakhir yang digunakan oleh para guru dalam proses PBD ini ialah kaedah lisan. Lisan membawa erti sesuatu yang diucapkan iaitu tidak ditulis, diberitahu dengan mulut, menyebut dengan mulut, menuturkan kelisanan hal yang berkaitan dengan lisan dan gagasan yang dipakai untuk membicarakan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka 2012). Menurut KPM (2016), pentaksiran secara lisan merupakan satu kaedah pentaksiran yang mudah dan cepat bagi mengesan perkembangan atau penguasaan murid. Ia boleh berlaku secara spontan semasa PdP atau secara terancang melalui sesi soal jawab atau kuiz. Siti Saniah Abu Bakar (2013) berpandangan bahawa kaedah lisan ini juga turut sinonim dengan kemahiran bertutur, komunikasi dan acapkali digunakan dalam kehidupan harian. Kemahiran ini merupakan salah satu unsur komunikasi tertua di dunia selain daripada kemahiran mendengar.

Seseorang manusia itu bercakap untuk menyampaikan sesuatu, mempengaruhi khalayak, menyelesaikan masalah dan untuk keseronokan (Mohamad Ikhmal, Marzni Mokhtar, Md Mustakim & Mohamad As Syafie 2022). Oleh yang demikian, kaedah lisan yang dimaksudkan dalam proses PBD yang dilakukan oleh para guru adalah merujuk kepada tahap penilaian komunikasi, percakapan dan pertuturan murid-murid tahap satu. Para guru akan mentaksir tahap komunikasi dan pertuturan murid sepanjang PdP berjalan bagi menetapkan pencapaian TP mereka. Namun begitu, hasil dapatan menunjukkan bahawa skop penilaian lisan yang dilakukan oleh para guru dalam mentaksir adalah berbeza dan tidak ada satu standard yang telah ditetapkan. Tambahan lagi, skop lisan yang dimaksudkan oleh guru dalam mentaksir murid dengan menggunakan kaedah tersebut juga turut berbeza walaupun mereka mengajar bagi subjek yang sama.

Sebagai contohnya, R1 membuat penilaian lisan melalui projek-projek bacaan dan pembentangan murid yang telah dirancang selama tempoh PdP dijalankan. Sekiranya murid-murid mampu membenteng dengan baik, maka penilaian TP mereka menggunakan kaedah ini adalah memuaskan. Berbeza pula dengan R2 yang mana penilaian lisan itu berlaku dalam sesi soal jawab di antara guru dan murid-murid berpandukan kepada satu-satu topik yang dipelajari. Adakalanya para guru akan mengadakan kuiz dalam menilai komunikasi dan lisan murid-murid. Adapun R3 berpandangan bahawa kaedah lisan ini diuji oleh para guru dengan menilai penguasaan bacaan surah-surah dan tilawah yang terdapat dalam perancangan PdP. Murid-murid yang membaca tilawah dan surah-surah dengan baik, akan diberikan penilaian yang memuaskan dalam menentukan TP mereka. Ketiga-tiga responden memberikan kaedah yang berbeza dalam menetapkan garis panduan terhadap kaedah lisan dalam PBD. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan R1, R2, dan R3:

R1: “Pastu ada juga kita buat melalui projek-projek surah, folio ke macam gitu. Sepanjang tahun tu kena pelbagai lah. Rancangan kita buat, dari situ kita boleh tengok lah murid tu macam mana. Faham ke tidak apa yang kita ajar kalau dia boleh aplikasikan, maknanya dia boleh buat pembentangan dengan baik, dia boleh buat kerja projek dengan baik, tu maknanya dia fahamlah tu”.

R2: “Kalau lisan pula, kita buat sesi soal jawab ataupun kuiz selepas kita terangkan satu sub topik atau pun satu bidang tu. Lepas tu kita tanya balik faham ke tak, kalau ada soalan kita biasakan budak tanya. So salah satu kaedah juga lah”.

R3: “Lisan tu kiranya dari segi lisan kita ambil bab suruh budak tu baca. Kiranya kita akan ajar sebelum habis kelas kita akan nilai. Kita akan uji budak tu baca surah, dari situ kita nilai. Kalau murid tu boleh baca, budak tu dia okay”.

Secara tuntasnya, para guru adalah sepakat menggunakan tiga kaedah dalam proses PBD terhadap murid-murid tahap satu iaitu kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan. Namun begitu, skop penilaian di setiap kaedah ini adalah subjektif dan terbuka kepada cara mahupun metode masing-masing bergantung kepada perancangan PdP sepanjang tahun tersebut. Berikut disertakan perbezaan pada setiap kaedah yang telah dinilai oleh para guru dalam proses PBD terhadap murid tahap satu (Rajah 3):

Rajah 3 Perincian Tiga Kaedah Para Guru dalam Proses PBD

RESPONDEN	KAEDAH PBD		
	PEMERHATIAN	PENULISAN	LISAN
R1	Permerhatian terhadap semua bentuk aktiviti sepanjang tahun.	Penilaian melalui penulisan huruf daripada gambar.	Penilaian lisan melalui projek dan pembentangan murid.
R2	Pemerhatian terhadap kemampuan menjawab soalan dan kemampuan memberikan respon.	Penilaian melalui kemahiran murid menulis latihan di sekolah dan di rumah.	Penilaian lisan melalui sesi soal jawab antara murid dan guru berpandukan kepada PdP tahunan.
R3	Pemerhatian terhadap bacaan surah dan tilawah oleh murid serta penglibatan murid.	Penilaian melalui penulisan yang ditulis di hadapan kelas atau di dalam latihan.	Penilaian lisan melalui penguasaan bacaan surah dan tilawah dalam PdP.
R4	Pemerhatian terhadap tingkah laku murid sepanjang PdP.	Penilaian kepada penulisan murid di hadapan guru terhadap soalan yang diberikan.	Penilaian lisan melalui soalan spontan yang diberikan kepada murid.
R5	Pemerhatian terhadap penglibatan murid dalam PdP.	Penilaian yang lebih umum terhadap apa sahaja yang ditulis oleh murid.	Penilaian lisan melalui hafalan murid terhadap surah yang diberikan.

Sumber: Olahan daripada Perbincangan Kajian

Tambahan lagi, para guru juga tidak mempunyai rubrik pemarkahan yang standard dan selari diguna pakai oleh kesemua guru dalam satu-satu subjek yang diajar. Rubrik merupakan alat pemarkahan yang sangat sesuai untuk mengukur tugas berbentuk autentik yang menilai proses kerja dan hasil kerja murid (Pickford & Brown 2007). Tanpa penggunaan kriteria yang jelas dalam penilaian kaedah yang digunakan oleh para guru, penilaian sukar untuk dihakimi (Burke 2001). Ciri-ciri rubrik yang direka bentuk sedemikian rupa menyediakan satu standard pemarkahan yang eksplisit kepada pengguna (Mabry 2004). Menurut Abdullah dan Shukor (2012), rubrik akan menjadi mekanisme yang komprehensif kepada murid untuk memenuhi standard yang telah ditentukan. Penggunaan rubrik merupakan satu cara untuk menangani isu penilaian para guru yang agak subjektif terhadap tiga kaedah yang telah dikenal pasti (Reddy & Andrade 2010). Oleh yang demikian, adalah menjadi kemestian dan kewajaran untuk diwujudkan rubrik yang khusus dalam penilaian PBD murid tahap satu ini.

6.0 KESAN PENGAPLIKASIAN KAEDAH PBD TAHAP SATU

Secara dasarnya, hasil dapatan terhadap kesan pengaplikasian kaedah PBD tahap satu dapatlah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kesan positif dan kesan negatif. Kesan positif adalah merujuk kepada kesan yang memberikan impak yang baik daripada sudut pelaksanaan PBD itu sendiri. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat satu kesan positif kepada para guru dan pentadbiran sekolah yang mana mereka tidak lagi terikat dengan sistem peperiksaan dan ia sekali gus mengurangkan beban mereka. Manakala kesan negatif pula adalah merujuk kepada kesan yang memberikan impak yang kurang baik daripada sudut pelaksanaan PBD. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penilaian para murid dengan menggunakan kaedah PBD adalah tidak adil dalam kalangan mereka kerana metode yang digunakan sangat subjektif. Terdapat dua komponen asas yang mengundang kepada ketidakadilan penilaian para guru dengan menggunakan kaedah PBD ini iaitu, kaedah penilaian dalam menetapkan TP adalah tidak selari dan kekangan masa dalam proses penilaian PBD.

6.1 Mengurangkan Beban Guru

Mengurangkan beban guru merupakan satu kesan positif yang terkesan daripada pengaplikasian proses PBD tahap satu. Sebelum KPM mengumumkan pemansuhan sistem peperiksaan tahap satu, para guru kebiasaannya menggunakan kaedah ujian sebagai penilaian formatif. Mereka selalunya menggunakan beberapa kaedah atau ujian untuk mengukur kebolehan murid dalam menguasai subjek yang sedang diikuti (Thordike 2001). Manakala ujian sumatif hanya melibatkan peperiksaan akhir pada setiap subjek (Arsaythamby Veloo 2011). Setelah itu, para guru akan membuat penilaian dan pengukuran yang menghasilkan skor untuk menterjemahkan penguasaan murid dalam bentuk nilai numerik mengikut hasil pembelajaran yang tertera dalam subjek yang dikendalikan (Popham 2000). Itulah rutin para guru saban tahun apabila mereka terikat dengan penilaian murid-murid dengan menggunakan sistem peperiksaan. Namun, apabila KPM memansuhkan sistem peperiksaan ini, maka ia sekali gus mengurangkan beban para guru. Guru-guru tidak perlu lagi menyediakan kertas soalan, mencetak kertas soalan, mentadbir pengurusan peperiksaan, menjaga dewan peperiksaan, menyemak kertas soalan, merekod keputusan peperiksaan dan semua yang berkaitan dengan peperiksaan. Hal ini turut disokong oleh R3 dengan katanya:

R3: “Apabila PBD ni diperkenalkan dia tak terbeban dengan peperiksaan. Dia takda periksa tapi ada sekolah buat jugak sebab dia nak selaraskan jadual tapi untuk tahap dua dia ada periksa. Periksa akhir tahun, pertengahan tahun. Tahap dua wajib. Tahap satu tak wajib periksa. Tu yang pertama, yang kedua kesan dia adalah guru dapat menilai murid keseluruhan. Macam mana cikgu nak nilai tu, bukan main bagi je. Kalau pelajar ramai kita boleh nilai setahun tu dua kali. Kiranya penilaian awal tahun tu kita guna TP. Kiranya tengok pencapaian murid tu macam mana. Tengok budak tu kalau tak boleh membaca ke apa yang tu kita boleh bagi tahap TP2 la kalau cemerlang boleh jadi TP5 atau TP6”.

6.2 Ketidakadilan Dalam Penilaian Murid

Ketidakadilan dalam penilaian murid merupakan satu kesan negatif yang terkesan daripada pengaplikasian proses PBD tahap satu. Apabila berlakunya ketidakadilan guru dalam menilai murid-murid ini, maka laporan TP yang diperoleh murid adalah tidak tepat, boleh diragui dan kurang dipercayai. Terdapat dua komponen asas yang menjadi punca berlakunya ketidakadilan guru dalam menilai murid iaitu kaedah penilaian dalam menetapkan TP adalah tidak selari dan kekangan masa dalam proses penilaian PBD.

6.2.1 Kaedah Penilaian Yang Subjektif

Kaedah penilaian dalam menetapkan TP adalah tidak selari bermaksud, para guru didedahkan dengan kaedah penilaian dan pentaksiran yang sangat subjektif. Walaupun hasil dapatan menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa terdapat tiga kaedah yang digunakan dalam proses PBD iaitu pemerhatian, penulisan dan lisan, namun para guru tidak mempunyai metode penilaian khusus dalam mentaksir kaedah-kaedah tersebut. Tambahan lagi, tidak ada rubrik pemarkahan dalam menentukan penilaian terhadap kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan yang dibuat. Rubrik adalah sangat penting kerana ia merupakan panduan pemarkahan yang mengandungi kriteria bagi menentukan kualiti tugas mencapai piawaian yang ditetapkan (Goodrich 1996). Ia juga sebagai mekanisme untuk menilai kualiti hasil kerja murid. Format rubrik mungkin berbeza tetapi elemen yang terdapat pada rubrik adalah konsisten (Azmanirah Ab Rahman et al. 2019). Apabila para guru bebas mentaksir ketiga-tiga kaedah tersebut dalam proses PBD tanpa rubrik ini, maka ia mengundang ketidakadilan penilaian yang dibuat. Hal ini disokong oleh kenyataan R1 & R5 dengan katanya:

R1: “Pastu kalau dari segi murid masalah dia mungkin timbul ketidakadilan juga antara murid. Contohnya mungkin guru dalam sesi kita tu tak perasan sebenarnya dia menguasai dan boleh dapat TP5, tapi kita bagi TP3 atau TP4. Itu pun antara bagi saya memang satu masalah juga lah bila kita kena perhatikan semua orang kan. Macam dalam kelas 20 orang ke 25 orang, kita kena bagi perhatian 25 orang tu. Dia akan hasil kecatatan sedikitlah sana-sini”.

R5: “Tapi sebab cikgu tu tak tahu dia tu TP2, jadi cikgu bagi sama soalan. Jadi dia tak dapat tangkap. Tak dapat buat apa benda aktiviti tersebut. Itu contoh ketidakadilan untuk pelajar tersebut, murid tu tak dapat apa yang sepatutnya yang sesuai dengan dia”.

6.2.2 Kekangan Masa Dalam Tempoh Penilaian PBD

Kekangan masa dalam tempoh penilaian PBD merupakan kesan negatif kedua yang dihadapi apabila proses PBD ini mula diperkenalkan. Ia menjadi punca kepada ketidakadilan para guru dalam membuat penilaian PBD terhadap murid-murid tahap satu. Menurut KPM (2019), tempoh menyempurnakan PBD terhadap para murid adalah sepanjang tahun bergantung kepada perancangan PdP guru-guru dan pengurusan sekolah masing-masing. Namun begitu, tempoh kekangan masa untuk melakukan proses PBD ini turut berlaku adalah disebabkan kepada tiga perkara asas iaitu, disebabkan jumlah murid yang terlampau ramai, tumpuan lebih kepada para murid yang lemah dan ketidakhadiran murid menyukarkan proses PBD dilakukan. Seseorang guru mempunyai purata murid dan jumlah subjek yang tidak menentu saban tahun. Ada ketika para guru terpaksa melakukan proses PdP dan PBD terhadap jumlah murid dan jumlah subjek yang begitu banyak. Hal ini menyukarkan para guru untuk kekal konsisten dalam membuat penilaian kerana mereka tidak mampu untuk mengenali setiap murid dengan lebih mendalam. Kesannya, para guru terpaksa mempertimbangkan TP murid seperti melepaskan batuk di tangga dan ini menyumbang kepada ketidakadilan guru dalam menilai. Hal ini disokong oleh R1 dengan katanya:

R1: “Kesan dia pada pelajar tu gitulah berkemungkinan akan berlakunya biaslah dalam kita bagi TP pada murid tu. Jadi bila macam tu, kita macam tak amanahlah kan dalam buat pentaksiran tu. Dan bila kita tak amanah dia bawa kepada laporan yang tak tepatlah sebab murid ramai, bukan ajar satu kelas sahaja, tu lah kesannya. Kadang-kadang kita pun tak betapa nak kenal murid, kita ajar ramai”.

Tumpuan lebih kepada sebahagian murid yang lemah juga menyebabkan kekangan masa para guru adalah terhad dalam melakukan proses PBD ini. Hal ini bermaksud, sekiranya seseorang guru mempunyai jumlah murid yang begitu ramai dalam beberapa subjek yang diajar, mereka terpaksa

melebihkan masa dan memberikan tumpuan yang berfokus kepada sebahagian murid yang lemah. Para guru terpaksa melakukan kelas tambahan dan membuat intervensi terhadap murid-murid tersebut bagi mencapai target TP yang telah ditetapkan. Kesannya, ia mengambil masa yang begitu lama sekiranya terdapat ramai murid yang lemah seperti tidak boleh membaca, mengira dan sebagainya. Tambahan lagi, sebahagian murid terpaksa diabaikan kerana tumpuan penuh adalah berpihak kepada murid-murid yang lemah ini. Akhirnya, apabila kekangan masa berlaku dalam melakukan proses PBD ini, para guru terpaksa menilai TP murid ala kadar sahaja dan ini menyumbang kepada ketidakadilan terhadap penilaian yang dibuat. Hal ini turut disokong oleh R3 dengan katanya:

R3: “Contohnya Pendidikan Islam dia tak dapat capai TP3 sebabnya dia tak boleh membaca. Kiranya cikgu kena buat satu intervensi kena mengajar, datang awal sekolah, kena ajar membaca, contoh. Habis sekolah panggil dia masuk bilik guru ajar membaca. Itu kita panggil intervensi la”.

Adapun komponen terakhir yang menyumbang kepada kekangan masa para guru dalam membuat penilaian PBD terhadap murid adalah disebabkan ketidakhadiran murid ke sekolah. Hal ini bermaksud, apabila seseorang murid tidak hadir ke sekolah atas alasan-alasan yang pelbagai, para guru tidak dapat melakukan proses PBD ke atas murid tersebut. Kesannya, para guru terpaksa menangguhkan proses PBD ke atas murid tersebut kepada satu tempoh masa yang berikutnya sedangkan tempoh masa akan datang itu telah pun dirancang PdP yang baharu. Hal ini menyulitkan tugas guru dan akhirnya memberikan kekangan masa untuk membuat penilaian PBD tersebut. Guru-guru adalah tidak wajar untuk menilai dan menetapkan TP1 kepada para murid yang tidak hadir ke sekolah kerana ia bertentang dengan standard petanda aras TP yang telah ditetapkan secara hierarki oleh KPM (2019). TP1 adalah merujuk kepada murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas, atau memberi respons terhadap perkara yang asas, dan bukan merujuk kepada murid ponteng sekolah. Ada kemungkinan murid yang bijak tidak mampu untuk hadir ke sekolah disebabkan masalah kesihatan dan sekiranya ia ditaksir dengan TP1, maka berlakunya ketidakadilan para guru dalam membuat penilaian PBD terhadap murid tersebut. Oleh kerana itulah, ketidakhadiran murid ke sekolah turut memberikan kesan kepada kekangan masa dalam proses PBD dilakukan. Ia turut disokong oleh R2 dengan katanya:

R2: “Masalah yang timbul selalunya berlaku kepada murid yang tidak hadir ke sekolah, yang selalu ponteng sekolah tak de sebab kan, yang tak datang sekolah tanpa sebab tu. Jadi tu menimbulkan masalah kepada guru untuk menilai sebab yelah guru sendiri pun bila dia letak TP1, TP2 mesti akan dipersoalkan kenapa budak ni tak boleh lepas TP3 kan. Jadi guru pun jadi masalah lah nak jawab, cari sebab yang kukuh, tak boleh suka hati suka hati”.

Secara dasarnya, Rajah 4 berikut disertakan pandangan umum berkaitan kesan pengaplikasian kaedah PBD terhadap murid-murid tahap satu seperti yang telah dihuraikan:



Rajah4 Kesan Pengaplikasian Kaedah PBD Tahap Satu
Sumber: Olahan daripada Perbincangan Kajian

7.0 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah yang telah digunakan oleh guru dalam mentaksir murid-murid tahap satu iaitu kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan. Kesemua kaedah ini adalah selari dengan panduan pelaksanaan PBD yang telah dikeluarkan oleh KPM sekitar tahun 2019. Namun begitu, pentaksiran murid-murid tahap satu dengan menggunakan ketiga-tiga kaedah ini dalam menentukan TP murid adalah sangat subjektif. Hal ini membuka ruang kepada para guru untuk bebas menggunakan kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan bagi menilai TP murid tanpa menggunakan sebarang rubrik pemarkahan yang standard. Oleh yang demikian, terdapat dua kesan yang telah dikenal pasti terhadap pengaplikasian PBD kepada para murid tahap satu iaitu kesan yang positif dan kesan yang negatif. Mengurangkan beban tugas guru dan pentadbiran sekolah dalam pelaksanaan ujian dan peperiksaan merupakan kesan positif yang telah dikenal pasti daripada pelaksanaan PBD ini.

Manakala ketidakadilan guru dalam proses PBD yang dilaksanakan kepada para murid pula merupakan kesan negatif yang telah dikenal pasti. Terdapat dua komponen asas yang menyumbang kepada berlakunya ketidakadilan guru dalam menilai PBD murid iaitu, kaedah penilaian dalam menetapkan TP adalah tidak selari dan kekangan masa dalam proses penilaian PBD. Adapun masalah kekangan masa dalam proses penilaian PBD murid pula adalah berpunca daripada tiga perkara asas iaitu, disebabkan jumlah murid yang terlampau ramai, tumpuan lebih kepada para murid yang lemah dan ketidakhadiran murid menyukarkan proses PBD dilakukan. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar kaedah PBD yang diperkenalkan oleh KPM perlulah dilihat kembali agar penilaian para murid tahap satu ditaksir dengan baik. Selain itu juga, rubrik pemarkahan perlulah selari digunakan oleh para guru dalam pelaksanaan penilaian PBD dengan menggunakan tiga kaedah yang telah ditetapkan iaitu, pemerhatian, penulisan dan lisan. Kajian lanjutan terhadap subjek-subjek dan mata pelajaran lain juga adalah wajar untuk dilihat kembali akan pelaksanaan proses PBD itu dilakukan.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diberikan kepada semua guru Pendidikan Islam (Tahap Satu) yang telah memberikan kerjasama yang sebaiknya semasa penghasilan draf penulisan ini.

Senarai Rujukan

- Abdullah, E. & Shukor, A. A. A. (2012). *Pentaksiran Prestasi dan Pentaksiran Rujukan Standard dalam Bilik Darjah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI): Perak.
- Arsaythamby, V. (2011). Keupayaan Teori dan Pelaksanaan Pentaksiran dalam Pembelajaran. *Journal of Governance and Development (JGD)*. 7, 8-15. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Azmanirah, A. R., Nurfirdawati, M. H., Anizam, M. Y. & Halizah, A. (2019). Analisis Kefungsian Skala Bagi Pembinaan Rubrik Pentaksiran Kompetensi Amali: Analisis Berdasarkan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Facet. *Online Journal For TVET Practitioners*. 4(2), 120-126. Universiti Tun Hussien Onn (UTHM).
- Babbie, E. (2002). *The Practice of Social Research*. 12th ed. Belmont California, Wadsworth.
- Bin Roslan, M. M. (2023). Hubungan Kesan Psikologi dan Masalah Sosial dengan Teori Hifz Al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Relationship of Psychological Effects and Social Problems with Hifz Al-Nafs Theory in The Fatwa on the Named Lineage of Illegitimate Children: National Fatwa Analysis. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 86–100. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Burke, K. (2001). *From Standards to Rubric in Six Steps*. A Sage Company.
- Cohen, L., Manion, L. & Morisson. (2000). *Research Methods in Education*. 2nd ed. Croom Helm: London.
- Creswell, J. W. (2002). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. n.d. United Kingdom Sage: London.
- Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. n.d. Thousand Oask: CA, Sage.
- Fullan, M. (2018). *Nuance: Why Some Leaders Succeed and Others Fail*. Corwin Press.
- Ghazali, D. & Sufean, H. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. 3rd ed. Universiti Malaya (UM).
- Goodrich, H. (1996). Understanding Rubrics. *Educational Leadership*. 54(4), 14-17.
- Hazuriana, H. & Khairul, J. (2022). Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*.. 4(4), 119-125. Asian Scholars Network.
- Ilhavenil, N., Wan Nor Fadzilah, W. H., Loges Arumugam, M. P., Noor Aliza, N. & Nooraini, K. (2022). Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Sekolah Rendah. Retrieved from: https://www.researchgate.net/publication/366928346_Pelaksanaan_Pentaksiran_Bilik_Darjah_Sekolah_Rendah. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Joohari, A. & Kalai Selvan, A. (2021). Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD): Satu Tinjauan dalam Kalangan Guru Besar. *Asian People Journal* 4(2). 80-89. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Kamus Dewan Bahasa. (2012). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Lincoln, Y. S. & Guba, E. G. (1985). *Effective Evaluation*. Jossey-Bass: San Francisco.
- Mabry, M. C. (2004). Detecting and Measuring Rater Effects Using Many-Facet Rasch Measurement: Part II. *Journal of Applied Measurement*. 5(2), 189-227.
- Malaysia. Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. (2019). 2nd ed. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Retrieved from: <https://www.moe.gov.my/muat-turun/pentaksiran-berasaskan>

- sekolah/5505-panduan-pelaksanaan-pentaksiran-bilik-darjah-edisi-2-2019/file. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Malaysia. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). (2016). Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from: <https://www.moe.gov.my/soalan-lazim-menu/kurikulum/kurikulum>.
- Maridah, A. (2013). Definisi Pentaksiran, Pengujian dan Penilaian. Retrieved from: <http://drmaridah.blogspot.com/2013/06/definisi-pentaksiran-pengujian-dan.html>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Maszlee. M. (2019). 10 Sebab Peperiksaan Tahap Satu Dimansuhkan – Maszlee Malik. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/516704/10-sebab-peperiksaan-tahap-satu-dimansuhkan-maszlee>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Miles, B. M. & Huberman, M. A. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*. Sage: California.
- Mohamad Ikhmal, A. A., Marzni, M. M., Md Mustakim, M. U. & Mohamad As Syafie, A. (2022). Penguasaan Kemahiran Lisan Bakal Guru Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Masalah Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemi. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4(2), 103-114. Asian Scholars Network.
- Muslim, M. S. (2016). Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi. *Jurnal Wabana*. 1(10), 78. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2023 March 19). Interview with Guru Pendidikan Islam. (Recorder). Sekolah Kebangsaan Dato' Naning, Alor Gajah – Melaka.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Perak.
- Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2022 Disember 6). Interview with Guru Kelas 3 al-Ghazali. (Recorder). Sekolah Kebangsaan Raja Perempuan Muzwin, Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2023 March 18). Interview with Guru Pendidikan Islam. (Recorder). Sekolah Kebangsaan Dato Abu Bakar Baginda, Kajang – Selangor Darul Ihsan.
- Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2023 March 19). Interview with Guru Pendidikan Islam. (Recorder). Sekolah Kebangsaan Pekan Telupid – Sabah.
- Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2023 March 19). Interview with Guru Pendidikan Islam. (Recorder). Sekolah Kebangsaan Pekan Telupid – Sabah.
- Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2023 March 31). Interview with Guru Pendidikan Islam. (Recorder). Sekolah Kebangsaan Bukit Lalang, Semporna – Sabah.
- Patton, Q. M. (2002). *Qualitative Evaluation Methods*. n.d. Beverly Hill California: Sage Publication.
- Pickford, R. & Brown, S. (2007). *Assessing Skills and Practice*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Popham, W. J. (2000). *Modern Educational Measurement: Practical Guidelines for Educational Leaders*. 3rd ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Raha, A. (2014). Definisi dan Konsep Penulisan. Retrieved from: <https://www.scribd.com/doc/236190415/Definisi-Dan-Konsep-Penulisan>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Reddy, Y. M. & Andrade, H. (2010). A Review of Rubric Use in Higher Education. *Assessment & Evaluation in Higher Education*. 35(4), 435-448.
- Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. *Firdaus Journal*, 3(1), 39–50. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>. Retrieved at 27 Jun 2023.

- Roslan, M. M. (2023). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah: Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 19–34. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i2.140>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. . (2023). Kekhilafan Menerapkan Maqasid Syari'ah Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi: Arguments In Applying Maqasid Syari'ah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 132-148. Retrieved from: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Roslan, M. M. (2022). The Problem of Depression Regarding the Namement of Illegitimate Children's Lineage to Abdullah: National Fatwa analysis. *Firdaus Journal*, 2(2), 31–42. Retrieved from: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.4.2022>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan: The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis. *Journal of Muwafaqat*, 6(1), 1–13. Retrieved from: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i1.121>. Retrieved at 27 Jun 2023.
- Siti Saniah, A. B. (2013). Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*. 3(1), 56-62. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Thorndike, R. L. (2001). *Measurement and Evaluation in Psychology and Education*. 6th ed. Merill, Upper Saddle River, New Jersey: Colombus.
- Van Maanen, J. (1983). *Qualitative Methodology*. n.d. Beverly Hill California, Sage Publication.